

SINGAPURA dalam MALAYSIA 1963-1965



Perkongsian tidak serasi



ROSLI MOHD YUSOFF



SINGAPURA dalam MALAYSIA 1963-1965



Perkongsian tidak serasi



1013928

1013928



Hak Cipta PENERBIT UMK, 2019

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakamandan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Rosli Mohd. Yusoff

SINGAPURA dalam MALAYSIA 1963-1965 : Perkongsian Tidak Serasi /

Rosli Mohd Yusoff.

ISBN 978-967-2229-70-4

1. Malaysia--History.
2. Singapore--History.
3. Malaysia--Politics and government.
4. Singapore--Politics and government
5. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

959.5

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman, Pembantu Teknikal: Siti Asma Mohd Rozid. Pengarah Seni: Yusroyka Karim. Perek: Fatinah Ilias

Diterbitkan oleh:

Penerbit Umk

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Universiti Malaysia Kelantan

Kampus Kota

Pengkalan Chepa

16100 Kota Bharu

Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:

Gempita Maju Sdn Bhd

7-1 Jalan 3/1 Taman Seri Merdeka

68000 Ampang Selangor

KANDUNGAN

Prakata	vii
Senarai Singkatan	xi
Pendahuluan	xiii
BAB 1	1
GAGASAN MALAYSIA : IDEA DAN REAKSI	
Latar Belakang Hubungan Singapura-Malaysia	2
Tunku dan Gagasan Malaysia	6
British dan Rancangan Grand Design	15
Reaksi Terhadap Penyertaan Singapura dalam Malaysia di Singapura	20
Reaksi Penyertaan Singapura dalam Malaysia di Persekutuan Tanah Melayu	24
BAB 2	35
PEMBENTUKAN MALAYSIA : SIKAP LEE KUAN YEW SEBELUM PENUBUHANNYA (MEI 1961 – SEPTEMBER 1963)	
Lee Kuan Yew dan Gagasan Malaysia	36
Lee Kuan Yew dan Usaha Menyelamatkan Survival Politiknya	40
Melemahkan Musuh-Musuh Politik	44
Memaniplulasi Sikap Anti-Komunis Tunku	49
Sikap Lee Kuan Yew Menjelang Penubuhan Malaysia	53

BAB 3	63
SINGAPURA DALAM MALAYSIA : SIKAP LEE KUAN YEW (SEPTEMBER 1963 – MAC 1965)	
Pilihan Raya Umum 1963 di Singapura	64
Pilihan Raya Umum Malaysia 1964	70
Peminggiran Orang Melayu di Singapura	78
Pertembungan Perikatan-PAP dan kekacauan Kaum di Singapura	87
BAB 4	97
SINGAPURA DALAM MALAYSIA : RETAK MENANTI BELAH DAN PEMISAHAN SINGAPURA (MEI - OGOS 1965)	
Malaysian Solidarity Convention (MSC) dan Malaysian-Malaysia	98
Lee Kuan Yew dan Permuafakatan Alternatif (Alternative Arrangement)	105
Politik Perkauman dan Konflik yang Semakin Memuncak	111
Perdebatan Hangat di Parlimen	119
Penyingkiran Singapura dan Berakhirnya Percantuman Singkat	125
BAB 5	131
KESIMPULAN	
Lampiran	139
Bibliografi	181
Indeks	187
Biodata Penulis	193

PRAKATA

Malaysia lahir sebagai sebuah negara bangsa yang baharu pada tanggal 16 September 1963 yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Penyertaan Singapura dalam Malaysia hanya dapat bertahan dalam jangka masa yang singkat iaitu 23 bulan sahaja. Banyak masalah yang melingkari hubungan singkat antara Singapura dengan Malaysia sepanjang percantuman tersebut sehingga membawa kepada pemisahan Singapura. Buku ini bertujuan memaparkan gambaran sebenar bagaimana perkongsiian antara dua tetangga terdekat yang mempunyai persamaan sejarah, budaya, keturunan dan geografi ini tidak serasi dan bertahan lama.

Buku ini dibahagikan kepada lima bab. Bahagian pendahuluan buku ini membincangkan gambaran keseluruhan persoalan utama yang dibincangkan, kepentingan dan signifikannya terhadap perkembangan sejarah tanah air. Bab 1 pula memfokuskan perbincangan mengenai idea gagasan Malaysia yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman sebagai satu agenda membentuk sebuah Persekutuan yang lebih luas dan besar. Bab ini memaparkan senario yang melatari sejarah rantau ini yang mempengaruhi perubahan sikap Tunku untuk membentuk Malaysia. Di samping itu, perbincangan juga akan melihat respons British terhadap idea Tunku dan reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Sorotan penulis dalam Bab 2 menjurus kepada sikap yang ditunjukkan oleh Lee Kuan Yew di ambang percantuman Singapura dengan Malaysia. Beliau yang sedang tersepit untuk menyelamatkan kuasa dan survival politiknya yang semakin goyah telah berusaha untuk berpaut dengan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam masa yang sama Lee Kuan Yew telah berjaya menjinakkan musuh-musuh politiknya, mengeksploitasi Tunku dengan momok komunis dan mendapatkan sokongan padu British sehingga Singapura berjaya menyertai Malaysia.

Bab 3 pula menelusuri sikap Lee Kuan Yew semasa Singapura berada dalam Malaysia. Sepanjang tempoh September 1963 hingga Mac 1964, senario politik negara penuh dengan gelora. Kenyataan dan tindak-tanduk Lee Kuan Yew mencabar kewibawaan pemimpin Persekutuan dan mencalar kerukunan hidup masyarakat majmuk Malaysia. Tindakannya yang menyertai Pilihan Raya Umum 1964 dan penentangan terbuka PAP terhadap Perikatan merupakan antara perubahan sikapnya yang semakin agresif sehingga mencetuskan konflik yang berpanjangan antara Kuala Lumpur-Singapura.

Bab 4 pula merupakan kesinambungan Bab 3 yang memaparkan kemuncak pertentangan antara Kuala Lumpur-Singapura. Hubungan yang telah retak menjadi semakin parah apabila Lee Kuan Yew bertindak lebih jauh mencabar hak-hak istimewa orang Melayu dan *status quo* yang dinikmati oleh mereka selepas merdeka. Penubuhan *Malaysian Solidarity Convention* yang memperjuangkan konsep *Malaysian Malaysia* menyebabkan orang Melayu semakin bimbang dengan masa depan mereka. Bab ini juga memperlihatkan agenda-agenda tersembunyi Lee Kuan Yew apabila menyertai Malaysia apabila beliau cuba membina dan memimpin sebuah negara Malaysia yang berteraskan sosialis demokratik tanpa penguasaan dan dominasi kaum Melayu. Perdebatan hangat dan terbuka di parlimen dan media antara April hingga Ogos 1965 merupakan kemuncak kepada hubungan retak yang akhirnya menjadi belah apabila Singapura disingkirkan daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Bab 5 merupakan penutup buku ini adalah rumusan, penegasan dan pembuktian terhadap pola sikap dan tindak-tanduk Lee Kuan Yew terhadap Malaysia. Ianya memperlihatkan perubahan sikapnya sepanjang penyertaan Singapura dalam Malaysia berbanding sebelumnya. Perubahan sikapnya merupakan manifestasi agenda beliau sebenarnya yang ingin membina sebuah negara bangsa Malaysia mengikut idealisme perjuangannya.

Bagi menghasilkan buku ini, penulis telah menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan terutamanya dengan menggunakan sumber-sumber primer seperti dokumen yang diperolehi daripada

Australian National Archives, Public Record Office, London, akhbar-akhbar semasa dan Laporan Persidangan Parlimen Malaysia. Di samping itu, penulis telah marakamkan temu bual dengan tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dengan latar sejarah yang dibincangkan dalam buku ini.

Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua warganegara Malaysia yang ingin melihat satu episod penting dalam sejarah tanah airnya iaitu pembentukan Persekutuan Malaysia. Penulisan buku yang dibuat secara objektif, kupasan dan perbincangan secara ilmiah yang disokong oleh bukti-bukti dan sumber yang sahih dapat memperjelaskan kepada masyarakat hakikat sejarah tanah air yang benar dan tepat. Walaupun persoalan yang dibincangkan dalam buku telah berlalu lebih daripada setengah abad, namun penulis merasakan ianya masih relevan untuk dibincangkan kerana memberi makna yang besar dalam proses pembinaan jati diri bangsa Malaysia.

Akhir kalam, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan buku ini. Semoga usaha kecil ini akan dapat menjadi sumber rujukan dan dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang dalam menghayati sejarah tanah airnya.

Penulis,

Rosli Mohd. Yusoff



SENARAI SINGKATAN

BS	Barisan Sosialis
FS	Front Sosialis
JCC	Joint Co-Ordination Committe
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MSC	Malaysian Solidarity Convention
PAP	People's Action Party
PAS	Partai Islam Se Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PETIR	Parti Tindakan Rakyat
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKS	Parti Komunis Singapura
PMU	Peninsular Malay Union
PRB	Parti Rakyat Brunei
PPP	People's Progressive Party
PPSO	Preservation Public Security Ordinance
PRM	Parti Rakyat Malaya
PRS	Parti Rakyat Singapura
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SUPP	Sarawak United People's Party
UDP	United Democratic Party
UMNO	United Malay National Organisation
UPKO	United Pasok Momogun Kadazan Organisation
UPP	United People's Party
SEATO	South East Asia Treaty Organisation
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris



PENDAHULUAN

Hubungan Malaysia–Singapura merupakan suatu hubungan yang mempunyai sejarahnya yang panjang dan unik. Ianya dianggap sebagai hubungan adik-beradik atau kembar siam yang sangat istimewa, simbiotik dan saling bergantung antara satu sama lain. Hubungan antara dua negara tetangga terdekat yang hanya dipisahkan oleh Selat Teberau ini banyak dipengaruhi oleh ikatan dan persamaan etnik, sejarah, geografi, ideologi dan budaya.

Dari segi sejarahnya, Pulau Singapura pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Melayu Melaka dan Johor – Riau – Lingga sejak abad ke-15 lagi. Kedatangan imperialis Barat ke rantau ini bukan sahaja mengubah landskap sosial, ekonomi dan politik bahkan memisahkan Singapura daripada induknya dan menjadi entiti yang berasingan daripada Tanah Melayu. Kedua-dua wilayah dipertautkan kembali melalui projek Persekutuan Malaysia. Namun perkongasian yang dibina hanya dapat bertahan dalam tempoh yang singkat sahaja. Singapura yang dikuasai oleh Kolonial British hampir 150 tahun tidak lagi serasi dengan Persekutuan Tanah Melayu. Mereka hidup bersama tetapi mempunyai aspirasi dan impian yang berbeza yang akhirnya menyeret kedua-dua pihak dalam konflik yang berpanjangan.

Persoalan utama yang mendasari tulisan ini ialah berkisar terhadap sikap Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura terhadap Malaysia. Apakah ada motif terselindung di sebalik kegigihannya membawa Singapura menyertai Malaysia? Mengapakah sikap Lee Kuan Yew mula berubah menjelang penubuhan dan sepanjang penyertaannya dalam Malaysia? Adakah keghairahan Lee Kuan Yew yang sering menimbulkan provokasi dan membangkitkan isu-isu sensitif akan menguntungkan perjuangan dan cita-cita besarnya menjadi pemimpin Malaysia?

Lee Kuan Yew dapat dianggap sebagai salah seorang arkitek pembentukan Malaysia di samping Tunku dan rakan-rakannya

di Persekutuan Tanah Melayu. Beliau telah memperlihatkan kesungguhannya bagi merealisasikan Malaysia sejak mula menjadi Perdana Menteri pada tahun 1959 lagi. Menyedari kedudukannya yang tersepit antara mengekalkan kuasa dengan ancaman puak kiri terutamanya Parti Barisan Sosialis, Lee terpaksa berpaut kepada Persekutuan Tanah Melayu untuk menyelamatkan *survival* politiknya yang semakin goyah.

Menjelang penubuhan Malaysia, Lee Kuan Yew mula memperlihatkan sikapnya yang sebenar sebagai seorang pemimpin yang bercita-cita tinggi, suka berdolak-dalik dan oportunistik. Rundingan percantuman Singapura-Persekutuan Tanah Melayu hampir mengalami kegagalan pada peringkat akhir apabila Tunku begitu kecewa dengan sikap Lee. Apabila Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia, Lee semakin menonjolkan sikapnya sebenarnya yang tidak begitu ikhlas untuk sama-sama membina Malaysia. Beliau dilihat bukan seorang sahabat yang baik kepada kerajaan pusat kerana sanggup membalas semangat setiakawan yang diberikan oleh pemimpin Kuala Lumpur dengan tindak-tanduknya yang menggugat kerukunan dan keharmonian kaum di Malaysia.

Persoalan seterusnya yang cuba disingkap ialah perjuangan Lee Kuan Yew untuk memenuhi cita-cita politiknya menjadi pemimpin besar di Malaysia. Beliau telah menubuhkan Pakatan *Malaysian Solidarity Convention* sebagai platform peribadinya bagi membentuk dan memimpin sebuah negara bangsa yang baharu dengan bertunjangkan konsep perjuangan *Malaysian Malaysia*. Pertembungan sengit berlaku di sebalik agenda politik Lee untuk berkuasa di Malaysia dengan tekad orang Melayu untuk mempertahankan ketuanan Melayu.

Tulisan ini akan melihat secara menyeluruh dan objektif terhadap hubungan antara dua buah negara tetangga yang pernah bersatu di bawah payung Malaysia. Antara lain objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah mengkaji sikap Lee Kuan Yew yang menjadi legenda Singapura selama beberapa dekad sebelum dan sepanjang Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Di samping itu, ianya cuba mengenal pasti strategi dan pendekatan yang digunakan oleh Lee Kuan Yew untuk memenuhi agenda-agenda tersembunyinya dan tindak balas pemimpin-pemimpin Melayu yang telah mencetuskan ketegangan politik yang berpanjangan.

Secara khusus, skop buku ini menjurus kepada sikap yang diperlihatkan oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew terhadap Malaysia semasa Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia. Tempoh masa yang disorot ialah antara September 1963 hingga Ogos 1965. Walaupun jangka masa tersebut adalah singkat, namun ianya sarat dengan pelbagai isu dan pergolakan yang banyak mempengaruhi senario politik negara. Kajian terhadap sikap Lee bukan sahaja berkisar semasa Singapura berada dalam Malaysia tetapi meliputi tempoh sebelum penyertaannya lagi bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang susuk tubuh beliau yang sebenarnya.

Di samping itu, tulisan ini juga akan difokuskan kepada agenda-agenda utama Lee Kuan Yew apabila menyertai Malaysia. Sebagai seorang pemimpin yang berkarisma, licik, bijak dan oportunistik, Lee mempunyai agenda tertentu yang ingin dicapainya. Di sebalik kesungguhan perjuangannya membawa Singapura ke dalam Malaysia, beliau cuba memenuhi idealisme dan visi politiknya untuk merealisasikan sebuah negara Malaysia yang bersifat demokratik sosialis. Tindak-tanduk yang ditunjukkan oleh Lee bagi memenuhi agendanya akan dikaji dan dibuktikan secara objektif melalui kajian ini.

Persoalan hubungan Malaysia-Singapura terutamanya yang berkaitan dengan pembentukan Malaysia, penyertaan dan pemisahan Singapura daripada Malaysia telah banyak dikaji oleh para penulis terutamanya oleh ahli akademik. Ianya menjadi satu topik kajian yang menarik dan segar untuk dikupas daripada pelbagai perspektif sama ada oleh penulis dan pengkaji tempatan atau pun luar negara. Setiap kajian melihat persoalan ini dari sisi-sisi tertentu dan sudut pandangan yang berbeza-beza.

Antara buku dan tulisan lampau yang menyentuh persoalan ini secara langsung dan tidak langsung yang telah diteliti oleh penulis ialah *A Moment of Anguish* karya Albert Lau (1998), *From Malayan Union to Singapore Separation* oleh Mohamad Noordin Sopiee (2003), *Duri Dalam Daging, Singapura dalam Malaysia* oleh Nik Anuar Nik Mahmud (2001), *The Separation of Singapore From Malaysia* oleh Robert A. Anderson (1973), *The Separation of Singapore From Malaysia* karya Nancy Mc Henry Fletcher (1969), *Tengku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1963-1970* karya Abdullah Ahmad (1987), *Singapore : The Politics of Survival 1965-1967* oleh Chan Heng Chee (1971) dan *Kisah Singapura* oleh Lee Kuan Yew (2001).

Dalam buku tulisan Albert Lau yang berjudul *A Moment of Anguish : Singapore in Malaysia and the Politics Disengagement*, beliau telah memaparkan Singapura sebagai sebuah negara berbilang kaum yang dapat berlaku adil terhadap semua rakyatnya tanpa ada pihak yang merasa dipinggirkan. Kejayaan yang dicapai oleh Singapura dalam aspek politik, ekonomi dan sosial lebih ketara setelah ia melepaskan diri dari cengkaman Malaysia. Pemimpin-pemimpin Singapura merasakan pengalaman pahit yang menyeksakan selama hampir dua tahun berada dalam Malaysia antara 16 September 1963 hingga 9 Ogos 1965.

Buku yang ditulis oleh pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Nasional Singapura ini melihat perkembangan politik yang berlaku semasa Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia. Penulisannya yang agak berat sebelah ini seolah-olah meletakkan kesalahan terhadap para pemimpin Melayu yang digambarkan sebagai terlalu feudal, ekstrim dan anti-Cina sehingga mencetuskan pertembungan kaum yang membawa rusuhan kaum pada Julai dan September 1964 di Singapura. Di samping itu pelbagai tekanan dihadapi oleh Singapura sama ada dalam bidang ekonomi dan politik yang timbul dari kebimbangan Kuala Lumpur terhadap pengaruh Lee Kuan Yew yang lebih berwibawa daripada pemimpin-pemimpin di Semenanjung.

Apa yang nyata, penulisan buku ini tidak lebih daripada propaganda politik yang cuba memperingatkan generasi baharu Singapura supaya sentiasa curiga dan berhati-hati dalam berinteraksi dengan jirannya di seberang Tambak Johor.

Abdullah Ahmad melalui bukunya *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1963-1970* pula melihat persoalan sikap Tunku Abdul Rahman yang terlalu pro-Barat dan anti-komunis. Kedua-dua sikap ini telah mempengaruhi dan menentukan asas dasar luar negara yang didokongnya dan perkembangan politik negara ini. Kebergantungan yang keterlaluan kepada pihak Barat pada peringkat awal negara merdeka ternyata telah memberi banyak manfaat terutama apabila negara berhadapan dengan ancaman komunis dan konfrontasi dari Indonesia.

Penulis buku ini merumuskan bahawa sebab utama pergeseran dan perselisihan antara kerajaan pusat dengan Singapura ialah kerana pertembungan keperibadian antara Tunku dengan Lee Kuan Yew yang tidak memungkinkan wujudnya titik pertemuan antara kedua-duanya. Perbezaan latar belakang kedua-dua tokoh jauh berbeza, satu pihak lahir dari golongan bangsawan yang bersopan santun dan penuh dengan peradaban dan satu pihak lagi seorang intelek Cina yang agresif. Pergeseran yang berlaku sepanjang percantuman berpunca daripada salah faham dan salah sangka antara dua pihak yang mempunyai ideologi dan memperjuangkan kepentingan berbeza. Parti Perikatan yang ditunjangi oleh UMNO dilihat memperjuangkan kepentingan orang Melayu, manakala Parti Tindakan Rakyat (Petir/PAP) yang berpegang kepada prinsip demokratik sosialis dilihat memperjuangkan kepentingan kaum Cina.

Melalui bukunya *Duri Dalam Daging – Singapura dalam Malaysia*, Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud memaparkan susuk tubuh Lee Kuan Yew yang sebenarnya di sebalik perjuangannya membawa Singapura menyertai Malaysia. Tindak-tanduk Lee sepanjang berada dalam Malaysia memperlihatkan beliau sebagai seorang pemimpin yang oportunis, suka mengambil peluang dan rakus untuk menonjolkan

dirinya sebagai pemimpin yang hebat. Ucapannya menghiris hati dan perasaan pemimpin-pemimpin dan masyarakat Melayu. Permainan politiknya seolah-olah mencabar kepimpinan kerajaan pusat. Isu-isu perkauman yang sering dibangkitkan beliau menjadikan senario politik sentiasa bergelora dan konflik antara Singapura-Malaysia terus berpanjangan. Akhirnya Tunku menyingkirkan Singapura demi memelihara keharmonian kaum dan keselamatan negara.

Kisah Singapura – Memoir Lee Kuan Yew merupakan suatu pengkisahan pengalaman yang panjang tentang perjalanan tokoh. Buku yang ditulis oleh Lee Kuan Yew sendiri ini mengandungi 43 bab dan sebahagian besar kandungannya memperihalkan rakaman pengalaman pengarangnya berkaitan dengan pembentukan Malaysia. Persoalan yang dibangkitkan oleh pengarang melalui buku ini berdasarkan perspektifnya sebagai watak utama yang terlibat secara langsung dalam isu-isu yang berkaitan dengan penyertaan Singapura dalam Malaysia.

Seperti buku yang ditulis oleh Albert Lau, buku ini juga cuba memaparkan watak antagonis pemimpin-pemimpin Melayu di semenanjung yang merupakan tangan-tangan besi yang cuba menghancurkan ikatan murni antara Singapura dengan Malaysia. Golongan Ultra Melayu yang diketuai oleh Syed Jaafar Albar dilihat sentiasa memainkan isu-isu sensitif dan bercorak perkauman sehingga mencetuskan ketegangan dan pergolakan antara orang Cina dengan Melayu samada sama ada di Singapura atau di Persekutuan Tanah Melayu. Bagi Lee, Tunku tidak sanggup untuk berhadapan dengan idealisme perjuangan PAP yang akan mencabar dan melemahkan politik UMNO kerana dalam jangka masa panjang rakyat akan menolak politik perkauman yang didokong oleh UMNO dan rakan-rakannya MCA dan MIC.

Melalui buku ini, Lee Kuan Yew, seolah-olah ingin memperbetulkan persepsi umum terhadap satu episod dalam sejarah Malaysia iaitu penyingkiran Singapura dari Malaysia bukan disebabkan oleh dosa-dosa beliau tetapi merupakan satu penyelesaian politik yang

terdesak oleh Kuala Lumpur demi menyelamatkan *survival* pemimpin dan orang Melayu.

Kajian Nancy Mc Henry Fletcher yang bertajuk *The Separation of Singapura from Malaysia* pula menyingkap pergolakan yang berlaku di sekitar penyertaan Singapura dalam Malaysia. Pandangan dan sikap penulisnya agak seimbang dalam mengupas sesuatu isu. Sebagai seorang sarjana Barat, beliau melihat isu-isu yang timbul sepanjang percantuman Singapura-Malaysia dari sudut orang tengah yang tidak mempunyai kepentingan dan kecenderungan untuk berpihak kepada pihak-pihak tertentu. Kajian beliau banyak menggunakan petikan akhbar-akhbar semasa seperti *Straits Times*, *Straits Budget*, *The Guardian* dan *Malaysian Mirror*.

Buku ini menjelaskan aspek-aspek utama pertembungan antara Singapura-Malaysia berkisar kepada persoalan ekonomi, politik, bangsa dan dasar luar. Perbezaan sistem nilai yang didokong oleh kedua-dua pihak dalam banyak perkara menyebabkan hubungan mereka diwarnai dengan pergolakan dan konflik yang berakhir dengan perpisahan. Konsep *Malaysian Malaysia* yang diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew untuk dilaksanakan di Malaysia mencabar asas-asas kontrak sosial yang telah dibina dan diterima oleh semua kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Apabila satu pihak cuba merungkai sistem sosial yang telah berakar umbi dalam kehidupan bernegara di Malaysia menyebabkan pihak yang lain merasakan tidak akan wujud titik persamaan antara mereka. Akhirnya Tunku memilih untuk menyingkirkan Singapura bagi menyelamatkan negara daripada dihancurkan oleh sentimen perkauman yang terus memuncak.

The Separation of Singapore from Malaysia : A Study in Political Involution merupakan kajian yang dihasilkan oleh Robert A. Anderson. Hasil kajian yang dikemukakan untuk ijazah doktor persuratan American University Washington pada tahun 1973 ini memfokuskan perbincangannya berhubung pembentukan Malaysia dan konflik yang timbul dari pemisahan Singapura. Dalam bab 3 tesis tersebut, penulisnya menyorot secara meluas konflik-konflik yang

berlaku antara Kuala Lumpur - Singapura apabila membincangkan mengenai pilihan raya 1963 dan 1964, kekacauan kaum di Singapura dan pembentukan *Malaysia Solidarity Convention* dengan dasar Malaysian Malaysia. Bagi Andersen, perbezaan idealisme perjuangan, budaya dan kepentingan menjadikan percantuman sebagai satu bentuk perkahwinan paksa yang tidak dapat bertahan lama. Penulisan ini melihat sesuatu isu dari sudut persepsi yang menyeluruh dan seimbang sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah kajian ilmiah.

Manakala kajian lepas seterusnya yang telah diteliti ialah buku *From Malayan Union to Singapore Separation : Political Unification in the Malaysian Region 1945-1965* karya Dr. Mohd. Noordin Sopiee. Buku yang diterbitkan berasaskan tesis untuk ijazah Ph.D di University of London pada tahun 1972 ini membicarakan proses pembinaan negara bangsa Malaysia sejak pengenalan perlembagaan Malayan Union sehingga pemisahan Singapura daripada Malaysia. Beliau menyingkap perkembangan politik di era 40-an hingga 60-an yang penuh dengan warna-warninya yang kemudiannya memberi impak besar terhadap landskap politik tanahair tanah air.

Buku ini juga menyingkap senario politik yang melatari hubungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak dari tahun 1955 hingga terbentuknya Malaysia. Beberapa faktor seperti perkembangan fahaman komunis yang melanda Asia Tenggara merupakan motivasi ke arah perubahan dasar Tunku untuk membentuk Persekutuan Malaysia. Dalam bab 7, pengarangnya telah memfokuskan kepada pemisahan Singapura daripada Malaysia. Beliau telah mengklasifikasikan hubungan Malaysia – Singapura dalam empat peringkat iaitu jangka masa bulan madu (September 1963-Mac 1964), jangka masa konflik pilihan raya (Mac-April 1964), jangka masa perang dingin (Julai 1964-Februari 1965) dan jangka masa perang terbuka (Februari-Ogos 1965). Beliau juga telah mengemukakan teori tentang pemisahan Singapura daripada Malaysia sama ada Singapura menarik diri atau dibuang daripada Malaysia. Bagi Mohamad Noordin, tindak tanduk Lee

sepanjang berada dalam Malaysia mencabar kepimpinan Tunku dan sering mencetuskan konflik perkauman yang menggugat keharmonian hidup rakyat berbilang bangsa dan merupakan *liabiliti* kepada Kuala Lumpur. Pemisahan Singapura merupakan manifestasi pertembungan idealisme dan pendekatan yang jauh berbeza antara dua watak utama iaitu Tunku dan Lee.

Hasil penulisan terakhir yang diteliti oleh penulis ialah *The Politics of Survival 1965-1967* yang dihasilkan oleh Chan Heng Chee. Melalui kajian ini, penulisnya telah menyingkap pergolakan yang berlaku antara Singapura dengan Malaysia sepanjang perhubungan mereka semasa Singapura menyertai Malaysia dan selepas ianya merdeka melalui Malaysia. Beliau telah menggariskan beberapa faktor pertembungan antara Malaysia-Singapura seperti perbezaan kepentingan politik dan ekonomi yang menyebabkan hubungan mereka sentiasa diwarnai dengan ketegangan dan konflik. Dalam konteks hubungan tersebut Singapura dilihat lebih bertindak agresif berbanding Malaysia yang lebih mengambil sikap defensif dalam menyelesaikan sesuatu isu yang berbangkit seperti isu pasaran bersama, keewangan, perdagangan dan pertahanan.

Buku ini amat signifikan dan penting dalam konteks menilai semula punca yang mencetuskan pergolakan yang berpanjangan dan berakhirnya percantuman singkat antara Singapura dengan Malaysia. Penulisan ini merupakan satu percubaan untuk mengupas satu aspek penting yang kurang diberikan penekanan dalam kajian-kajian lepas iaitu tentang sikap Lee Kuan Yew terhadap Malaysia menjelang penubuhan dan semasa Singapura menjadi satu entiti dalam Malaysia. Melalui bukti-bukti dan sumber-sumber yang berautoritatif dan hujah yang konkrit, penulis akan membuktikan bahawa Lee Kuan Yew mempunyai agenda yang tersembunyi di sebalik kesungguhannya menyertai Malaysia. Untuk memenuhi agendanya, beliau telah bertindak secara agresif mengasak kepimpinan Melayu di Kuala Lumpur dengan mencetuskan pelbagai isu yang mencabar wibawa mereka.

Buku ini juga cuba menjawab tanggapan negatif yang dilontarkan oleh penulis-penulis Singapura seperti Albert Lau dan Lee Kuan Yew sendiri. Melalui tulisan mereka, Singapura sentiasa berada dalam keadaan tertekan kerana sering dibuli sepanjang menyertai Malaysia. Mereka menyalahkan golongan 'Ultra Melayu', Parti UMNO dan MCA yang membawa kepada penyingkiran Singapura. Kajian ini akan dapat memperbetulkan kembali hakikat sejarah tanah air yang sebenar yang cuba diputarbelitkan dan dipadamkan oleh pihak kerajaan Singapura. Penulisan ini akan melihat dari perspektif yang menyeluruh dan objektif terhadap satu episod penting dalam sejarah negara supaya generasi akan datang dapat menilai sejarah negara mereka secara adil dan tepat.

BAB 1

GAGASAN MALAYSIA : IDEA DAN REAKSI

Idea gagasan Malaysia yang dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 telah membuka lembaran baru dalam senario politik di rantau ini sepanjang dekad 60-an. Pembentukan 'Melayu Raya' yang menggabungkan wilayah-wilayah jajahan British di Asia Tenggara iaitu Tanah Melayu, Brunei, Singapura, Sarawak dan Sabah yang dicadangkan oleh Tunku merupakan satu gagasan besar dan penting dalam konteks pembinaan negara bangsa Malaysia.

Di sebalik perjuangan Tunku dan rakan-rakannya di Persekutuan, Singapura dan wilayah-wilayah Borneo berusaha merealisasikan gagasan Malaysia, British sudah pun memperkenalkan agendanya bagi membentuk sebuah kesatuannya sendiri melalui *Rancangan Grand Design* pada pertengahan abad ke-20. Rancangan yang mula diperkenalkan oleh Malcom Mac Donald, Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara ini merupakan suatu usaha British bagi memastikan kepentingannya di rantau ini akan terus terpelihara walaupun negara-negara tanah jajahannya mencapai kemerdekaan (Ong Hak Ching, 2006).

Persekutuan Malaysia akhirnya menjadi kenyataan pada 16 September 1963. Namun di sebalik kejayaan tersebut, ianya

terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan yang dicituskan dari dalam dan luar negara. Halangan terbesar timbul dari konfrantasi yang dilancarkan oleh Indonesia yang menganggap gagasan tersebut sebagai projek kuasa Barat yang ingin melanjutkan penjajahan mereka atau melaksanakan dasar neo-kolonialisme. Bab ini juga akan menelusuri reaksi dari pelbagai pihak di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu terhadap idea gagasan Malaysia khususnya berhubung dengan penyertaan Singapura dalam Malaysia.

LATAR BELAKANG HUBUNGAN SINGAPURA-MALAYSIA

Sejarah perhubungan awal Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura sudah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Hubungan yang berdasarkan ikatan etnik, budaya, sejarah, geografi dan politik ini telah diperkukuhkan lagi semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah apabila ianya menjadi sebahagian daripada wilayah Melaka yang diketuai oleh seorang pembesar yang dikenali sebagai Seri Bija DiRaja (Panglima Perang Darat) (Buyong Adil, 1977). Sultan Mahmud Syah yang berundur dan mendirikan pusat pemerintahan di Johor Lama selepas Portugis menakluki Melaka juga telah melantik Syahbandar sebagai wakilnya di Singapura (C.M. Turnbull, 1989).

Singapura kemudiannya berada di bawah lingkungan kekuasaan Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga pada abad ke-18 hingga ia mula dikuasai oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI). Perjanjian antara Sultan Hussin dan Temenggung Abdul Rahman dengan Sir Stamford Raffles pada 30 Januari 1819 menandakan bermulanya peralihan kuasa dari ketuanan Melayu kepada ketuanan British. Pada 6 Febuari 1819 satu lagi perjanjian telah ditandatangani antara kedua-dua pihak bagi menyerahkan Singapura secara sah kepada SHTI dengan Sultan dan Temenggung menerima ganjaran sebanyak 5,000 dan 3,000 dollar Spanish setahun.

Singapura yang dibuka dan dimajukan oleh Stamford Raffles telah berkembang pesat dalam masa yang singkat dan muncul sebagai sebuah pusat perdagangan entreport utama di Kepulauan Melayu di dunia menjelang awal abad ke-19. Pada tahun 1820, nilai perdagangannya ialah 4,000.00 dollar Sepanyol dan meningkat kepada 1,417,030 dollar Sepanyol pada tahun 1824 (Khoo Kay Kim, 1984).

Seiring dengan perkembangan pesat sektor perdagangan beberapa sektor lain yang berkaitan seperti bidang kewangan, telekomunikasi dan pengangkutan juga turut berkembang. Dalam bidang kewangan, beberapa buah institusi telah muncul seperti The Chartered Bank of India, Australia and China Bank, The Hong Kong and Shanghai Bank Corporation, The Mercantile Bank of India dan Kwong Yik Bank. Menjelang akhir abad ke-19, beratus-ratus firma besar yang terlibat dalam perdagangan import-eksport bijih timah, getah dan lain-lain telah muncul seperti A.L. Johnston & Co., Bousted & Company, Fraser & Company, Behn Meyer & Company, Mc Alister & Co., Guthrie's dan lain-lain lagi.

Perkembangan pesat ekonomi Pulau Singapura mengubah komposisi penduduknya apabila masyarakat Melayu yang menjadi pribumi asal dan majoriti penduduknya semakin terhakis kedudukannya. Seawal pertapakan SHTI di Singapura, jumlah orang Melayu hampir 1000 orang yang kebanyakannya terdiri daripada orang Kallang, Selentar dan Gelam. Pada tahun 1867, 50,000 orang imigran Cina telah masuk ke Singapura dan terus meningkat kepada 250,000 orang pada tahun 1900. Menjelang akhir abad ke-19, masyarakat Cina muncul sebagai golongan majoriti iaitu 75 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk Singapura dan berjaya mengambil alih peranan dan kedudukan orang Melayu (T.S. Selvan, 1998).

Antara tahun 1942-1945, Singapura berada di bawah kekuasaan Jepun setelah kekalahan kolonial British dalam Perang Dunia Kedua. Singapura berkongsi pengalaman pahit dengan masyarakat Tanah Melayu sepanjang penguasaan Jepun selama 3 tahun 9 bulan. Singapura telah dijadikan pusat pentadbiran dan

pengkalan tentera bagi negeri-negeri Melayu kerana kedudukannya yang strategik.

Selepas kekalahan Jepun ke tangan kuasa Berikat pada 14 Ogos 1945, British telah kembali ke Tanah Melayu dengan membawa bersama-samanya satu bentuk pemerintahan baharu yang dikenali sebagai Malayan Union. Mengikut Perlembagaan Malayan Union, Tanah Melayu akan dijadikan satu unit politik yang merangkumi sembilan buah negeri dan dua buah negeri Selat yang diketuai oleh seorang gabenor-kerana ia telah menjadi satu entiti yang berasingan sebagai Tanah Jajahan Mahkota (*Crown Colony*) Inggeris (A.J. Stock Well, 1979). Singapura diperintah oleh seorang gabenor dengan bantuan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan dan Majlis Perlembagaan. Pemisahan Singapura daripada Semenanjung Tanah Melayu dibuat berdasarkan alasan bahawa majoriti penduduknya terdiri daripada orang Cina dan ianya adalah benteng pertahanan penting British di rantau ini. Bagi British, Singapura amat penting bagi menjamin kepentingan imperialismanya kerana peranannya sebagai '*to virtually control Malaya and moreover control the far East*' (Albert Lau, 1991).

Penentangan yang berterusan terhadap Malayan Union terutama daripada masyarakat Melayu menyebabkan akhirnya ianya diganti dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Di Singapura, Malayan Democratic Union (MDU) juga menentang pelaksanaan Malayan Union kerana ia dilihat tidak demokratik dan mencadangkan satu perlembagaan pilihan yang dapat menyatukan Singapura dengan Tanah Melayu (N.J. Ryan, 1963).

Di bawah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura terus kekal sebagai sebuah koloni yang berasingan. Namun demikian dalam bidang-bidang tertentu seperti imigresen, cukai, pos, telegraf, penerbangan awam dan perkapalan masih wujud hubungan antara kedua-dua pihak (Tan Ding Eing, 1975).

Menjelang 1950-an, Kolonial British telah membuka ruang secara berperingkat-peringkat ke arah menyediakan kemerdekaan

kepada Singapura. Berdasarkan Laporan Rendel yang dikeluarkan pada tahun 1954, satu pilihan raya telah dilaksanakan di Singapura pada tahun 1955 untuk memilih sebuah kerajaan yang mempunyai kuasa yang terhad. Dalam pilihan raya tersebut Parti Buruh Bersatu yang memperolehi 10 kerusi dengan sokongan Parti Perikatan yang memperolehi tiga kerusi telah membentuk kerajaan dengan David Marshall dilantik sebagai Ketua Menteri. Beliau kemudiannya melepaskan jawatan dan diganti oleh Lim Yew Hock pada tahun 1956 kerana gagal dalam perjuangannya mendapatkan kuasa pemerintahan yang mutlak daripada British.

Lee Kuan Yew yang mengetuai Parti Tindakan Rakyat (PAP/Petir) telah berjaya mengambil alih pemerintahan Singapura apabila partinya menguasai 43 daripada 51 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya 1959. PAP ditubuhkan oleh beberapa orang bekas pelajar di England, wartawan dan pemimpin kesatuan sekerja seperti Toh Chin Chye, Lee Kuan Yew, Devan Nair, Ong Eng Guan, Fong Swee Swan, A. Samad Ismail, Mofardi Hj. Mohd. Noor, S. Sockalingam, Chan Chiaw Thor, Tan Wee Keong dan S. Rajaratnam. Kemenangan besar PAP dalam pilihan raya tersebut banyak dipengaruhi oleh sokongan pekerja dan pro-komunis. Lee Kuan Yew pernah menegaskan "*any man in Singapore who wants to carry the Chienese-speaking people with him cannot afford to be anti communist*" (C.M. Turnbull, 1989). Di samping itu, matlamat perjuangan PAP untuk membawa Singapura merdeka melalui Persekutuan Tanah Melayu menyebabkan rakyat memberikan mandat kepadanya untuk memerintah. Lee Kuan Yew juga telah menggariskan arah tuju perjuangan PAP iaitu, "*to create a democratic unity government of Malaya based on universal suffrage of all those who are born in Malaya or who adopt Malayan nationality*" (Fong Sip Chee, 1977).

Menjelang awal dekad 1960-an, kedudukan PAP sebagai parti pemerintah semakin tersepit apabila berlaku perpecahan dalam parti. Golongan kiri yang diketuai oleh Lim Chin Siong telah bangkit menentang Lee Kuan Yew. Bersama 13 orang anggota Dewan

Legislatif, beliau telah menubuhkan Barisan Sosialis. Kekalahan PAP dalam pilihan raya kecil Hong Lim dan Anson menambahkan lagi parah yang dialami oleh parti tersebut. PAP hanya mempunyai kelebihan satu kerusi berbanding dengan barisan pembangkang (Fong Sip Chee, 1977).

Golongan kiri dan pro-komunis dijangka akan dapat menguasai pemerintahan dengan mudah dalam pilihan raya akan datang. Dalam keadaan yang genting ini, Lee mula berpaut kepada Tunku untuk menyelamatkan masa depan politiknya di Singapura. Akhirnya sikap Tunku terhadap penyertaan Singapura dalam Malaysia telah berubah. Demi menyelamatkan Singapura daripada jatuh ke tangan komunis, Lee dan PAP mesti diselamatkan.

TUNKU DAN GAGASAN MALAYSIA

Pada 27 Mei 1961, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan gagasan Malaysia semasa berucap di majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Persatuan Akhbar-Akhbar Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura. Dalam ucapannya itu, antara lain beliau menekankan keperluan mewujudkan sebuah persekutuan yang lebih besar meliputi Persekutuan Tanah Melayu, Brunei, Sarawak, Borneo dan Singapura. Menurut beliau:

Malaya today a nation realise that she cannot stand alone and inisolation. Outside of international politics the national must be broad-based. Sooner or later she should have an understanding with Britain and the peoples of Singapore, Borneo, Brunei dan Sarawak. It is prenature for me to say now how this closerunderstanding can be brought about but is inevitable that we should look ahead

to this objective and think of a plan whereby these territories can be brought closer together in political and economic co-operation.

(PREM 11/3418)

Pengumuman Tunku untuk menubuhkan Persekutuan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura telah membuka lembaran baharu dalam perkembangan politik di rantau ini. Ianya telah mengundang perbincangan hangat dan topik utama yang diperkatakan oleh pelbagai peringkat sama ada di dalam dan luar negeri. Richard Allen seorang ahli sejarah Barat menyatakan bahawa pengumuman Tunku merupakan satu permulaan kepada perubahan aliran politik di negara ini dan negara tetangganya (Tuku Abdul Rahman, 1977).

Pemimpin-pemimpin dan pemerhati politik di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mengalu-alukan pada dasarnya rancangan Tunku untuk membentuk ikatan negeri-negeri Asia Tenggara yang belum merdeka bernaung di bawah payung Malaysia. Bagaimanapun mereka enggan mengulas lebih lanjut sehingga mendapat gambaran yang jelas tentang cadangan tersebut. Mereka juga meramalkan rancangan tersebut akan mengambil masa sehingga 10 tahun untuk dilaksanakan (Berita Harian, 29 Mei 1961). Di Brunei, kebanyakan pemimpin-pemimpin politik menyokong penuh rancangan Tunku untuk mengadakan kerjasama yang lebih erat dalam bidang politik dan ekonomi antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Gagasan Malaysia yang dicetuskan oleh Tunku juga mendapat liputan meluas melalui akhbar-akhbar di dalam dan luar negeri. Ketika mengulas kemungkinan percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam Malaysia, rencana pengarang Berita Harian menjelaskan :

SINGAPURA dalam MALAYSIA 1963-1965

Perkongsian tidak serasi

Buku ini memaparkan gambaran sebenar bagaimana perkongsiaan antara dua tetangga terdekat yang mempunyai *persamaan sejarah, budaya, keturunan dan geografi ini tidak serasi dan bertahan lama*. Buku ini amat signifikan dan penting dalam konteks menilai semula punca yang mencretuskan pergolakan sepanjang Singapura berada dalam Malaysia.

Kajian ini melihat dari perspektif yang menyeluruh dan objektif terhadap satu episod penting dalam sejarah negara agar generasi akan datang dapat menilai sejarah negara mereka secara adil dan tepat.

Universiti Malaysia
KELANTAN
PENERBIT

press.umk.edu.my [f](#) Penerbit UMK [i](#) umkpress penerbit@umk.edu.my



PEMBANA
LEADERSHIP
CANTON
YAYASAN
KEPERIBATAN
KELANTAN